

**Umno Dakwa Pihak Tertentu Bakar Kain Rentang
Bernama
17 Januari, 2012**

BALIK PULAU, 17 Jan (Bernama) -- Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Balik Pulau Selasa menyatakan kesal dengan perbuatan khianat pihak tertentu yang membakar kain rentang iklan Barisan Nasional yang dipasang di tepi jalan di Simpang Empat di sini.

Ketuanya Aziaan Ariffin berkata, kain rentang yang bertulis "Untuk Kesejahteraan Anda Undilah Barisan Nasional" itu dibakar dipercayai pada waktu tengah malam.

Katanya, Pemuda Umno bahagian itu telah membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Barat Daya.

Beliau berkata, kain rentang itu dipercayai disimbah petrol dan dibakar kerana satu bekas yang diisi petrol telah dijumpai di tempat kejadian.

"Tindakan mereka (yang membakar kain rentang) mungkin disebabkan kegelisahan kerana rakyat di kawasan ini mula menyokong Barisan Nasional dan ramai yang menerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M)," katanya kepada pemberita di sini Selasa.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=640606>